

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 19 JANUARI 2002
Tajuk : MALAM JASA MU DI KENANG MERAIKAN YBHG. TAN SRI ABDUL KADIR MOHAMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

YB Datuk Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Luar Negeri

YBhg. Tan Sri Abdul Kadir Mohamad
Duta Besar Tugas-Tugas Khas

YBhg. Dato' Ahmad Fuzi Abdul Razak
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato',

Pegawai dan Kakitangan Wisma Putra serta ahli keluarga sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniannya, kita semua dapat berkumpul pada petang ini di Malam Jasa Mu dikenang bagi meraikan YBhg. Tan Sri Abdul Kadir, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Malam ini merupakan satu malam yang istimewa di mana kita akan memberi penghormatan di atas jasa dan sumbangan seorang pegawai Wisma Putra, yang tidak asing lagi bagi kita semua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran seluruh warga Wisma PUltra termasuk bekas Duta-Duta Besar dan pegawai-pegawai yang telah bersara untuk turut bersama meraikan Tan Sri Kadir. Pertemuan ini sudah tentu akan mengembalikan detik-detik pahit manis yang telah diharungi bersama di sepanjang menjalankan tugas, baik di Wisma Putra meskipun di luar negara.

Saudara-Saudari,

Kerajaya YBhg. Tan Sri dalam perkhidmatan Diplomatik telah menjangkau lebih kurang 32 tahun, bermula sebagai pegawai biasa sehinggalah beliau telah ditauliahkan sebagai Duta Besar ke Pakistan pada tahun 1987. Berdasarkan kegigihan dan kecemerlangan Tan Sri dalam menjalankan tugas-tugasnya, beliau telah diberi kepercayaan untuk memimpin Wisma Putra dan dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri pada 17 September 1996. Di sepanjang perkhidmatannya beliau telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang pegawai yang berdedikasi, cekap dan berwibawa, kadang-kala tegas tetapi senang didampingi untuk berbicara mengenai apa jua perkara, baik dari segi professional dan peribadi. Kita semua kenal beliau sebagai seorang pegawai yang cukup berdisiplin apabila berdepan dengan tugas-tugas yang mencabar dan meruncing serta tidak pernah kenal penat lelah dalam mencapai objektif beliau untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Dalam kesempatan berurusan dengan beliau selama lebih kurang dua tahun, Tan Sri telah menunjukkan prestasi yang cukup cemerlang. Saya tidak

mungkin dapat menyatakan semua kejayaannya di sini satu persatu tetapi cukup sekadar untuk menyatakan bahawa beliau banyak memberi sumbangan kearah kecemerlangan Kementerian ini. Beliau juga telah merelisasikan amanah yang diberi disamping mempertingkatkan kebajikan kakitangan Kementerian ini serta mengharumkan nama negara melalui pencapaian kita di bidang diplomasi. Semasa beliau bertugas sebagai Ketua Setiausaha, seperti yang tuan-puan sedia maklum, Negara sedang melalui pelbagai cabaran dan dugaan ekoran dari pergolakan luaran dan dalaman terutama krisis kewangan yang telah melanda negara-negara di rantau Asia Tenggara. Di bawah kepimpinannya, Kementerian Luar Negeri telah memainkan peranan penting dan telah dapat melaksanakan dasar-dasar kerajaan untuk mengatasi cabaran-cabaran ini seperti menegaskan pendirian kerajaan Malaysia, yang dilihat sebagai "controversial" oleh negara-negara asing. Hasil dari usaha tersebut, negara-negara asing yang berpandangan negative terhadap dasar-dasar kerajaan Malaysia telah menghormati tindakan kita dan kini bersedia untuk belajar dari pengalaman kita.

Saudara-Saudari,

Kerjaya di Wisma Putra agak unik. Kita dianggap berkerja 24 jam sehari oleh kerana perbezaan waktu dan pergolakan yang terus dan harus dipantau demi kesejahteraan dan keselamatan negara. Selain dari itu kita terpaksa berpindah dari satu negara ke satu negara dalam tempoh tertentu dan ini banyak mempengaruhi bukan sahaja seorang pegawai tersebut tetapi juga keluarga masing-masing. Kadang-kala pegawai terpaksa menggunakan kebijaksanaannya dalam membuat sebarang keputusan jika keadaan terdesak. Oleh demikian, daya kepimpinan di Kementerian ini adalah satu tugas yang mencabar. Saya akui bahawa dalam hal ini Tan Sri telah lulus dengan cemerlang. Dalam erti kata lain, he is a diplomat's diplomat.

Saudara-Saudari,

Oleh kerana pengetahuan serta pengalamannya masih lagi diperlukan terutama dalam isu "territorial dan maritime" beliau dipanggil berkhidmat semula di Kementerian ini. Beliau telah dilantik oleh Kerajaan sebagai Duta Besar Tugas-Tugas Khas selepas persaraan beliau pada 3 Julai 2001. Beliau juga diberi penghormatan apabila dilantik sebagai Penasihat kanan kepada Kementerian Luar Negeri Timor-Timur semenjak bulan November 2001. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Tan Sri juga merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri yang pertama dari negara-negara di Asia Tenggara yang telah berpeluang berhujah di International Court of Justice (ICJ) di The Hague semasa proceedings bagi kes permohonan Filipina untuk campurtangan dalam kes kedaulatan Pulau Ligitan dan Sipadan antara Malaysia dan Indonesia pada bulan Jun 2001. Juga untuk makluman semua hadirin, Malaysia telah berjaya memenangi kes tersebut. Antara tugas-tugas beliau yang lain yang beliau sedang menangani termasuklah kes Sipadan-Ligitan dan kes Batu Putih. Saya percaya sudah tentu Tan Sri Kadir akan terus memberi sumbangan yang bermakna dalam tugas-tugas yang sedang dijalankan ketika ini.

Saudara-Saudari,

Kerjaya dan pencapaian YBhg. Tan Sri patut dijadikan sebagai satu teladan bagi warga Wisma Putra. Wisma Putra memerlukan lebih ramai pegawai-pegawai yang berkaliber dan mempunyai degree of excellence bagi menghasilkan kualiti perkhidmatan yang diperlukan dalam merelisasikan wawasan 2020. Diplomat-diplomat dalam dekad 21 di samping mempunyai sikap kerja yang professional perlu menyesuaikan diri mereka dalam berbagai bentuk persekitaran yang mencabar dan sentiasa berusaha meningkatkan ilmu bagi meningkatkan imej perkhidmatan dan negara. Adalah menjadi harapan saya agar usaha menggembeling pengetahuan seperti dari segi negotiation skills, bidang IT atau pengetahuan khusus atau expert knowledge seperti yang diusahakan oleh YBhg. Tan Sri terus di dukung dan dijadikan amalan atau tradisi Wisma Putra.

Saudara-Saudari,

Akhir kata, walaupun secara rasminya saya ingin mengucapkan selamat menjalankan zaman persaraan ke YBhg. Tan Sri tetapi saya percaya dan berharap YBhg. Tan Sri akan terus menyumbang khidmat baktinya untuk Kementerian dan Negara. Dengan ini, seluruh kakitangan Wisma Putra dan juga Kerajaan ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg. Tan Sri di atas segala perkhidmatan dan sumbangan beliau kepada Wisma Putra. Saya harap malam penghargaan ini akan memberi kenangan manis kepada YBhg. Tan Sri dan Puan Sri dan mendoakan semoga beliau terus mencapai kejayaan dalam kerjayanya selepas persaraan.

Saya tidak ingin berucap panjang memandangkan semua hadirin sedang menunggu acara-acara yang akan diadakan. Saya harap sama-samalah kita menikmati dengan aturcara yang disediakan. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas kepada Jawatankuasa yang telah menganjurkan Malam Jasamu di Kenang ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada warga Wisma Putra dan keluarga yang hadir di malam ini bagi menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillahi Taufik WAIdayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.